

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)

06 - 7659961

06 - 7659962

No. Faks: 06 - 7636352

06 - 7671702

Fail Kami : P.Kw.N./N.S.(349) 600/21 (19)

Tarikh : 21 Rabiulawal 1440H

29 November 2018

**YANG BERHORMAT
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI**

**YB DR./YBHG DATO'/TUAN/PUAN
KETUA-KETUA JABATAN NEGERI**

**YANG DIPERTUA
PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**PENGERUSI/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
BADAN-BADAN BERKANUN**

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

YB Dr./YB/YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEMATUHAN PROSEDUR PEROLEHAN DAN PERBELANJAAN BERDASARKAN
1PEKELILING PERBENDAHARAAN (1PP) DAN ARAHAN PERBENDAHARAAN
(AP)**

Dengan segala hormatnya izinkan saya menarik perhatian YB Dr./YB/YBhg. Dato'/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sebagaimana YB Dr./YB/YBhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, YAB Menteri Besar semasa ucapan selaku Ketua Kerajaan Negeri Sembilan semasa Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus Tahun 2018 yang diadakan pada 25 Mei 2018 telah memberikan penekanan yang tegas supaya semua Jabatan mengamalkan tadbir urus yang baik berpaksikan kepada prinsip integriti dan akuitabiliti. Ini termasuklah dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dan perakaunan.

3. Berdasarkan pemerhatian dan penelitian Pejabat ini, didapati masih berlaku beberapa amalan atau tadbir urus yang menyalahi peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Arahan Perbendaharaan (AP) dan 1Pekeling Perbendaharaan (1PP) yang sedang berkuatkuasa. Antara kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan adalah seperti berikut:

- 3.1 Bekalan/perkhidmatan/kerja dilaksanakan tanpa Pesanan Tempatan atau Inden Kerja;
- 3.2 Bekalan/perkhidmatan/kerja telah dilaksanakan sebelum kelulusan diperolehi;
- 3.3 Perolehan dilaksanakan tanpa perancangan awal yang teliti yang menyebabkan kelulusan khas dimohon pada saat-saat akhir;

- 3.4 Kajian pasaran tidak dilaksanakan dengan betul dan telus;
 - 3.5 Syarikat/pembekal tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
 - 3.6 Syarikat/pembekal bukan bertaraf Bumiputera;
 - 3.7 Syarikat/pembekal bukan dari kalangan syarikat/pembekal tempatan;
 - 3.8 Permohonan kelulusan perolehan secara rundingan terus bagi perolehan-perolehan yang boleh dilaksanakan secara sebut harga terbuka;
 - 3.9 Perolehan secara ‘pecah kecil’;
 - 3.10 Permohonan kelulusan khas bagi perolehan yang bercanggah dengan 1PP atau AP; dan
 - 3.11 Permohonan Perolehan Darurat menggunakan pengecualian AP176 di mana sepatutnya perolehan berdasarkan AP173.2;
4. Sekiranya amalan-amalan tersebut berterusan, ia akan mendedahkan Ketua Jabatan kepada teguran audit sehingga boleh dikenakan tindakan tatatertib. Oleh yang demikian, kerjasama YB Dr./YB/YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon untuk memastikan semua peraturan yang berkuatkuasa dipatuhi sepenuhnya demi kebaikan bersama. Saya yakin, sekiranya prinsip kewangan ini dipatuhi sepenuhnya, imej perkhidmatan awam akan lebih dipandang tinggi oleh semua pihak. Kerjasama YB Dr./YB/YBhg. Dato'/Tuan/Puan terhadap perkara ini saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“AMANAH DAN PRODUKTIF”

“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD KHIIDIR BIN MAJID)
Pegawai Kewangan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

Salinan Kepada:

Jabatan Audit Negara
Negeri Sembilan Darul Khusus
Jalan Haruan 2, Oakland Commercial Centre
Seremban 2, 70300 Seremban